

Projek atasi banjir di Kelantan siap bulan depan

PASIR PUTEH – Sebanyak 180 projek mengurangkan impak banjir bernilai RM15 juta di negeri ini termasuk pembersihan dan pengorekan semula dasar serta penstabilan tebing sungai dijangka siap seawat-lewatnya awal bulan depan.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Shahimi Sharif (**gambar kecil**) berkata, setakat ini, projek yang dilaksanakan oleh jabatan berkenaan, terutamanya kerja-kerja fizikal telah siap 70 peratus.

“Sementara itu, baki 30 peratus lagi masih dalam pelaksanaan. Ia dijangka siap sepenuhnya akhir bulan ini atau awal bulan depan,”



katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Shahimi, sebagai persiapan menghadapi kemungkinan banjir tahun ini, kerajaan negeri mengatur strategi lebih awal dengan mengadakan mesyuarat khas bersama semua agensi kerajaan.

“JPS diberi tanggungjawab untuk memberi amaran awal kejadian banjir selain perlu memas-

tikan semua peralatan rosak segera dibaiki, manakala tolok hujan, penyukat aras air sungai dan siren dapat berfungsi dengan baik.


“Amaran awal banjir dikeluarkan JPS bergantung pada ramalan dan amaran hujan lebat serta ribut yang



KERATAN Kosmo!
25 Disember 2014.

dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia,” katanya.

Tambahnya, pihak jabatan juga menyediakan jadual bertugas 24 jam untuk pegawai-pegawai supaya mereka bersiap sedia memberi laporan kepada pihak keselamatan sekiranya banjir berlaku.



KELANTAN dilanda banjir besar pada penghujung tahun 2014 menyebabkan kerajaan Pusat menerusi JPS melaksanakan pelbagai projek bagi mengatasi masalah tersebut yang dijangka siap pada bulan hadapan.